

## Utusan Malaysia Disember 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	3 Disember 2018	Dua kementerian terima teguran punitif	Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad	3
2.	3 Disember 2018	Tabung Haji patut siasat dahulu - Abdul Azeez Rahim	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
3.	3 Disember 2018	SPRM belum ke pejabat Mohamaddin	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
4.	3 Disember 2018	Tabung Haji gagal rekodkan rosot nilai berjumlah RM227.81 juta	Laporan Laporan Ketua Audit Negara 2017 Siri 2	9
5.	4 Disember 2018	Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM dipanggil esok?	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
6.	4 Disember 2018	Bukan 'dirompak', tetapi belum belum dibayar	Laporan Ketua Audit Negara	12
7.	6 Disember 2018	PAC selesai siasat saksi ketiga	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)	15
8.	6 Disember 2018	Najib tiba di SPRM rakam keterangan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	16
9.	9 Disember 2018	Kertas siasatan terhadap Musa diserahkan sejak Julai 2012	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
10.	10 Disember 2018	Minta suapan RM2 juta, empat menyamar SPRM ditahan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
11.	10 Disember 2018	Najib ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	20
12.	10 Disember 2018	Najib ke SPRM lagi	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	22
13.	11 Disember 2018	Sah! Arul Kanda ditahan SPRM	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	24
14.	11 Disember 2018	Najib, Arul didakwa esok atas tuduhan pinda laporan audit 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	26
15.	14 Disember 2018	Isa didakwa hari ini	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	27
16.	17 Disember 2018	Penolong pengurus Jabatan Pengarang akhbar The Star dipenjara 30 bulan, denda RM100,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
17.	19 Disember 2018	Najib disiasat berkaitan pembelian kapal selam Scorpene	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
18.	19 Disember 2018	3 ditahan rasuah pegawai penguat kuasa MPK	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	31
19.	19 Disember 2018	Pengurusan kanan Tabung Haji direman empat hari	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32
20.	22 Disember 2018	Adi Azuan dibebaskan dengan jaminan RM10,000	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	33

**1. Dua kementerian terima teguran punitif**

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pengangkutan antara dua kementerian yang mendapat teguran secara punitif daripada Laporan Ketua Audit Negara Siri Kedua.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad berkata, teguran punitif itu bukan membawa maksud kesalahan yang dilakukan dua kementerian terbabit telah dibuktikan.

"Perlu ada siasatan lanjut oleh pihak berkaitan, jika melibatkan kecuaian awam, maka siasatan akan dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

"Kalau melibatkan pihak ketiga seperti kontraktor atau konsultan maka ia juga akan disiasat oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bersama Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee di Parlimen, hari ini.

Terdahulu, Madinah menyampaikan Buku Laporan Ketua Audit 2017 Siri Kedua kepada Ronald selepas menyampaikan taklimat selama tiga jam kepada seluruh ahli jawatankuasa PAC.

Dalam perkembangan lain, Ronald yang juga Ahli Parlimen Beluran memberitahu, bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang akan dipanggil PAC esok bagi membantu siasatan berhubung dakwaan pindaan Laporan Akhir Pengaudit 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Seterusnya, PAC akan memanggil Madinah dan bekas Pengarah Sektor Audit Kerajaan, Saadatul Nafisah sebagai saksi, lusa," katanya.

3 Disember 2018

## 2. Tabung Haji patut siasat dahulu - Abdul Azeez Rahim



BEKAS Pengerusi Lembaga Tabung Haji yang juga Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Rahim menunjukkan antara keratan akhbar bagi program yang dijalankan ketika sidang akhbar bagi mengulas isu penggunaan dana sebanyak RM22 juta di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) sepatutnya membuat siasatan dalaman dengan memanggil bekas pengerusinya, Datuk Seri Abdul Azeez Rahim terlebih dahulu berhubung penggunaan dana sebanyak RM22 juta bagi menjalankan pelbagai program untuk golongan asnaf pada tahun lalu.

Abdul Azeez yang juga Ahli Parlimen Baling berkata, langkah itu perlu dilakukan kerana ia merupakan prosedur operasi standard (SOP) Tabung Haji yang selama ini diguna pakai.

"Saya terkejut bila SOP tidak diguna pakai walaupun saya bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji adalah lebih baik memanggil saya untuk memberi keterangan terlebih dahulu."

"Kita ada siasatan dalaman yang membolehkan Tabung Haji tnya saya dulu, duit ini datang dari mana dan bagaimana ia diagihkan," katanya dalam sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini.

Jelas Abdul Azeez, beliau bersedia untuk memberi kerjasama daripada pihak polis untuk memberi keterangan penuh berhubung laporan polis yang dilihat berniat jahat terhadapnya.

Katanya, RM22 juta itu adalah hasil daripada pelaburan perniagaan Tabung Haji berjumlah RM7 juta manakala selebihnya adalah sumbangan daripada UMNO, Kerajaan Persekutuan dan syarikat-syarikat yang tidak mempunyai perniagaan dengan Tabung Haji.

Tambahnya, keseluruhan RM22 juta itu telah dimasukkan dalam Yayasan Tabung Haji seterusnya diagihkan kepada lebih 60 Parlimen dan seramai 100,000 orang menerima sumbangan daripada tiga program yang diadakan iaitu Ziarah Kasih, Jom Bantu Rakyat dan Ziarah Kasih Ramadan, tahun lalu.

"Saya ingin menegaskan bahawa bukan duit Tabung Haji khususnya bukan duit penabung, pendeposit, mak cik-mak cik, pak cik-pak cik yang simpan dalam Tabung Haji dikeluarkan.

"Tak boleh, kita tak boleh keluarkan wang sesiapa mereka kena datang, tuan punya badan kena datang untuk letakkan cop jari untuk keluarkan duit," katanya.

Jumaat lalu, Tabung Haji membuat dua laporan polis berkenaan penyelewengan dana berjumlah RM22 juta dan penjualan 95 peratus pegangan milik anak syarikatnya melibatkan jumlah RM3.8 bilion.

Walau bagaimanapun semalam, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Seri Zukri Samat memberi jaminan kepada semua pendeposit bahawa simpanan mereka selamat.

3 Disember 2018

**3. SPRM belum ke pejabat Mohamaddin****MOHAMADDIN KETAPI**

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih belum ke pejabat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi untuk menyiasat berhubung dakwaan memberi kontrak secara terus dengan adanya unsur 'campur tangan' ahli keluarga.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Silam berkata, tidak ada sebab untuk beliau menghentikan siasatan tersebut jika tidak bersalah.

"Memanglah, memanglah bebas. Kenapa anda hendak menghentikan mereka jika anda tidak bersalah.

"Tak tahuhah, yang masuk ke bilik pejabat saya belum lagi. Lain-lain bilik pejabat saya tak tahuhah," katanya ketika ditanya sama ada SPRM telah menjalankan siasatan terhadap kementeriannya di Putrajaya.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan SPRM sedang menyiasat dakwaan satu kementerian memberi kontrak secara terus dengan adanya unsur 'campur tangan' anak kepada menteri berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Mohamaddin enggan mengulas lanjut mengenai khabar angin yang mendakwa kementerian tersebut dimonopoli oleh kakitangan dan pegawai yang berasal dari Sabah.

"Tidak, saya tidak mahu bercakap mengenai perkara itu. Tidak ada perkara sedemikian.

"Saya tidak mahu menjawab sesuatu yang saya tidak tahu," katanya.

Terdahulu, beliau mengumumkan Dondang Sayang berjaya disenaraikan di bawah Senarai Wakil Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) yang memberi pengiktirafan bertaraf dunia terhadap khazanah warisan kebudayaan tidak ketara.

"Pengiktirafan ini amat bermakna kerana kali terakhir Malaysia memperolehi penghargaan seperti ini pada 2005 iaitu Mak Yong," katanya.

Mohamaddin turut mengumumkan Ketua Pengarah Tourism Malaysia baharu, Datuk Musa Yusuf yang menggantikan Datuk Seri Mirza Mohammad Taiyab berkuatkuasa, hari ini

3 Disember 2018

**4. Tabung Haji gagal rekodkan rosot nilai berjumlah RM227.81 juta****Polisi rosot nilai Tabung Haji tidak konsisten**

KUALA LUMPUR 3 Dis. - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dilaporkan gagal merekodkan rosot nilai sebanyak RM227.81 juta terhadap pelaburan dalam tiga syarikat subsidiari serta tiga syarikat bersekutu khususnya syarikat TH Heavy Engineering Berhad dengan jumlah pelaburan sebanyak RM164.58 juta.

Berdasarkan laporan Laporan Ketua Audit Negara 2017 Siri 2, penyata kewangan syarikat TH Heavy Engineering Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember lalu menerima penafian pendapat oleh juruaudit luar.

Tambah laporan itu, kaedah penetapan polisi rosot nilai aset kewangan Tabung Haji tidak konsisten kerana berlaku perubahan polisi setiap tahun khususnya dalam tahun berakhir 31 Disember lepas yang memperlihatkan polisi itu diubah sebanyak dua kali.

Jumaat lalu, Tabung Haji membuat dua laporan polis berkenaan penyelewengan dana berjumlah RM22 juta dan penjualan 95 peratus pegangan milik anak syarikatnya melibatkan sejumlah RM3.8 bilion.

Antara pihak yang dinamakan dalam laporan tersebut ialah bekas Pengurusnya, Datuk Seri Abdul Azeez Rahim; bekas Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Ismee Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Johan Abdullah.

**5. Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM dipanggil esok?****SURUHANJAYA Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).**

KUALA LUMPUR 4 Dis.- Bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan dipanggil ke ibu pejabat suruhanjaya tersebut berhubung siasatan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysian Development Berhad (1MDB) esok.

Menurut sumber, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dijangka tiba di Ibu pejabat SPRM kira-kira pukul 9 pagi.

"Beliau diminta hadir bagi membantu siasatan berhubung dakwaan kes tersebut.

"Beberapa individu lain juga dijangka dipanggil dalam masa terdekat ini," katanya, di sini hari ini.

Pada 25 November lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad mendedahkan, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan pindaan dilakukan terhadap Laporan Akhir Pengauditan 1MDB menerusi pengguguran beberapa perenggan.

Antara pengguguran maklumat itu termasuklah membabitkan kehadiran ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Menurut Madinah, antara individu yang turut terbabit dalam pindaan itu termasuklah bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada bekas Perdana Menteri, Tan Sri Shukry Salleh; bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Ali Hamsa; bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang; bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Kumpulan 1MDB, Arul Kanda.

Turut terlibat, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil Kementerian Kewangan, bekas Setiausaha Sulit Kanan kepada KSN dan bekas Pengarah Audit.

4 Disember 2018

## 6. Bukan 'dirompak', tetapi belum belum dibayar



### NAJIB RAZAK

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Laporan Audit Negara berkenaan isu pembayaran balik input cukai barang dan Perkhidmatan (GST) akhirnya berjaya merungkai 'tuduhan' bahawa kerajaan terdahulu telah 'merompak' RM19.2 bilion.

#### Najib Razak

pada hari Isnin

Setelah kerajaan BN dan saya dituduh berulangkali telah "rompak" RM19.2 bilion wang tuntutan balik input GST oleh Guan Eng, saya telah menunggu agak lama untuk Laporan Audit Negara terhadap isu bayaran balik input GST diterbitkan.

Alhamdulillah, laporan ini akhirnya keluar pagi ini. Kebenaran itu pasti.

Laporan Audit menunjukkan bahawa jumlah wang input GST yang belum dibayar balik setakat 5 Jun 2018 sebenarnya ialah RM19.47 bilion (Gambar A).

[...Lihat Lagi](#)

**JADUAL 2.16**  
**TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK BAGI**  
**TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 5 JUN 2018**

**Gambar A**

STATUS	JUMLAH (RM Bilion)
Telah Diluluskan Tetapi Belum Dibayar	1.45
Dalam Semakan	9.65
Tiada Pembekalan Bercukai	3.90
Isu Pelepasan	0.95
Siasatan	3.52
<b>JUMLAH</b>	<b>19.47</b>

Sumber: Laporan Tunggakan Tuntutan Pulang Balik GST, JKDM

**JADUAL 2.20**  
**TEMPOH TUNGGAKAN TUNTUTAN PULANG BALIK DALAM SEMAKAN**  
**BAGI TEMPOH APRIL 2015 HINGGA 5 JUN 2018**

**Gambar B**

TEMPOH TUNGGAKAN PULANG BALIK (Hari)	BIL. TRANSAKSI	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)
<8	8,722	13.1	1,583.20
8 - 14	4,130	6.2	610.65
15 - 30	2,691	4.0	670.11
31 - 90	30,124	45.3	4,009.83
91 - 180	14,262	21.4	1,942.04
181 - 365	3,687	5.5	513.21
366 - 730	1,962	3.0	268.69
>731	962	1.5	193.68
<b>JUMLAH</b>	<b>66,540</b>	<b>100</b>	<b>9,791.41</b>

Sumber: Analisis JAN terhadap data MyGST

- b. Hasil analisis Audit mendapati sebanyak 16,686 (1.4%) daripada 1,179,195 transaksi pembayaran pulang balik oleh akauntan JKDM setelah tuntutan pulang balik oleh OKC dan telah disahkan oleh pegawai JKDM berjumlah RM10.41 bilion telah dibuat melebihi 14 hari iaitu antara 15 hingga 532 hari bekerja bagi tahun 2015 hingga 2017. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 2.15**.

**Gambar C**

**JADUAL 2.15**  
**TEMPOH PEMBAYARAN TUNTUTAN PULANG BALIK**

TEMPOH PULANG BALIK (Hari)	BIL. TRANSAKSI	PERATUS (%)	JUMLAH (RM Juta)
< 100	16,450	98.6	9,447.61
101 - 200	141	0.8	930.05
201 - 300	59	0.4	25.26
301 - 400	18	0.1	1.91
401 - 500	11	0.1	2.24
501 - 601	7	0	2.28
<b>JUMLAH</b>	<b>16,686</b>	<b>100</b>	<b>10,409.35</b>

Sumber: Analisis JAN terhadap data MyGST

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, laporan tersebut mengesahkan bahawa nilai tersebut bukan 'dirompak' tetapi masih 'belum dibayar'.

Menurut beliau, setelah kerajaan Barisan Nasional (BN) dan dirinya dituduh berulang kali telah 'rompak' RM19.2 bilion wang tuntutan balik input GST oleh Guan Eng, beliau telah menunggu agak lama Laporan Audit Negara terhadap isu itu.

"Jumlah yang telah diluluskan tetapi belum dibayar hanya RM1.45 bilion dan ini juga kerana pelbagai masalah seperti akaun penerima ditutup, dibeku ataupun kurang dari 30 hari.

"Sebanyak RM3.90 bilion merupakan tuntutan pulang balik yang tiada pembekalan bercukai dan sejumlah RM3.52 bilion yang masih dalam siasatan - bermakna wang ini mungkin tidak sah untuk dibayar balik. Tunggakan yang terbesar pula ialah jumlah RM9.65 bilion yang dikategorikan sebagai wang dalam siasatan," ujar Najib dalam akaun Facebook miliknya, semalam.

Beliau menambah, tunggakan terbesar seperti dicatat dalam laporan tersebut berjumlah RM9.65 bilion dan dikategorikan sebagai wang dalam siasatan.

"Terima kasih kepada Jabatan Audit Negara untuk mengesahkan bahawa Guan Eng sebenarnya seorang penipu bersiri dan cuba tai-chi kelemahan dan kedangkalan sendiri untuk menyalahkan kerajaan BN dahulu," katanya.

**7. PAC selesai siasat saksi ketiga**

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) hari ini menyelesaikan siasatan terhadap tiga saksi berhubung prosiding siasatan laporan Audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dibentangkan di Parlimen pada 2016 telah diubah.

Prosiding terakhir pada tahun ini itu menyaksikan bekas Pengarah Sektor Audit Kerajaan, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad disiasat selama dua jam.

Timbalan Pengerusi PAC, Wong Kah Woh memaklumkan, pihaknya berpuas hati dengan keterangan Saadatul Nafisah dan kenyataan beliau sememangnya membantu PAC membuat kesimpulan.

"Prosiding, maklumat atau keterangan yang diberikan tidak dapat saya maklumkan kerana kekangan perintah tetap.

"Namun kenyataan diberikan amat berguna kepada PAC dan membantu dalam membuat kesimpulan," katanya ketika ditemui pemberita selepas berakhir prosiding di Bangunan Parlimen, hari ini.

Kah Woh berkata, Saadatul Nafisah memberi keterangan secara lisan seperti mana dilakukan dua saksi sebelum ini.

Jelas beliau, PAC tidak menerima sebarang bukti bercetak daripada beliau, kecuali daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad yang telah menyerahkan salinan laporan audit yang mula-mula dicetak.

Sementara itu, Saadatul Nafisah ketika ditemui enggan mengulas lanjut berkenaan siasatan yang dikenakan terhadap beliau.

6 Disember 2018

**8. Najib tiba di SPRM rakam keterangan**

PARA petugas media berada di luar perkarangan Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di Putrajaya ketika menanti bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang sedang dirakam keterangannya.

PUTRAJAYA 6 Dis. - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini tiba di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini dipercayai untuk dirakam keterangan berhubung siasatan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bagaimanapun ketibaan beliau pada 10.30 pagi tidak disedari petugas media yang menunggu di pintu utama bangunan suruhanjaya itu sehingga kehadiran bekas Menteri Kewangan tersebut dimaklumkan jurucakap SPRM.

Bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang turut dirakam keterangan semalam oleh SPRM bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

SPRM sebelum ini dilaporkan telah memulakan siasatan berkaitan dakwaan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB itu.

SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, suruhanjaya itu juga telah meneliti dokumen asal laporan tersebut untuk dibandingkan dengan draf akhir yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.

Sehubungan itu, jelasnya, SPRM akan memanggil beberapa saksi dalam tempoh terdekat bagi memberi keterangan dan membantu siasatan berkaitan isu tersebut dalam tempoh terdekat.

Pada 25 November lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad dilaporkan mengesahkan laporan akhir pengauditan 1MDB telah dipinda atas arahan Najib.

Madinah dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada media pada pukul 1.14 pagi tadi memberitahu, laporan itu ada menyebut kehadiran Low Taek Jho atau Jho Low dalam salah satu mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah 1MDB, namun Najib menerusi Ketua Setiausaha Sulit beliau, Tan Sri Shukry Salleh mengarahkan perenggan itu digugurkan atas alasan ia sensitif dan bagi mengelak fakta diputarbelikan pihak pembangkang.

9 Disember 2018

#### **9. Kertas siasatan terhadap Musa diserahkan sejak Julai 2012**

PUTRAJAYA 9 Nov. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan kertas siasatan terhadap bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman telah diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara sejak Julai 2012 untuk tindakan selanjutnya.

Walau bagaimanapun, suruhanjaya itu dalam satu kenyataan memaklumkan, Pejabat Peguam Negara ketika itu memutuskan untuk tidak meneruskan sebarang pendakwaan memandangkan siasatan berkenaan tertumpu kepada sumbangan politik.

"Dasar Pejabat Peguam Negara pada ketika itu menetapkan untuk tidak menuduh kes yang melibatkan sumbangan politik. Namun, SPM telah mengkaji semula kertas siasatan terhadap Musa beberapa bulan lalu setelah memperoleh maklumat baharu berhubung kes itu.

"Sehubungan itu, SPM telah mengemukakan kertas siasatan kepada Pejabat Peguam Negara untuk dikaji semula," kata suruhanjaya itu dalam kenyataannya, di sini hari ini.

Menurut suruhanjaya itu, Peguam Negara kemudiannya memutuskan bahawa Musa berhadapan 35 pertuduhan kes rasuah di bawah Seksyen 11 (a) Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan beliau telah dituduh pada 5 November lalu.

Semalam, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad meminta SPM menjelaskan sebab bekas Musa tidak dituduh di mahkamah sebelum ini dan beliau juga tidak melihat keperluan untuk mendesak bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail memberi penjelasan berhubung perkara itu.

Pada 5 November lalu, lalu bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Seri Gopal Sri Ram menyatakan rasa hairan apabila Musa tidak didakwa lebih awal selepas pemimpin UMNO itu disiasat atas tuduhan rasuah dan ada bukti mencukupi untuk berbuat demikian.

Gopal ialah ketua pasukan pendakwaan yang bertindak bagi pihak Jabatan Peguam Negara dalam kes perbicaraan kes rasuah yang didakwa dilakukan Musa.

**10. Minta suapan RM2 juta, empat menyamar SPRM ditahan**

EMPAT suspek yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan meminta rasuah sebanyak RM2 juta direman selama enam hari di Putrajaya hari ini

KUALA LUMPUR 10 Nov. - Empat individu yang menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) direman selama enam hari bermula hari ini untuk siasatan kes meminta suapan sebanyak RM2 juta bagi menyelesaikan kes seorang individu berpangkat Datuk Seri.

Perintah reman kesemua suspek dikeluarkan oleh Majistret Muhammad Bukhori Md. Ruslan di Mahkamah Majistret Putrajaya, hari ini.

Sumber berkata, tiga daripada individu terbabit ditahan kira-kira pukul 3 petang semalam dan seorang lagi ditahan pada pukul 8.15 malam tadi.

Menurutnya, tiga suspek yang berusia antara 33 hingga 49 tahun ditahan di sebuah kelab golf terkemuka di Sungai Buloh, Selangor manakala seorang lagi yang berusia 37 tahun ditahan di rumahnya di Wangsa Melawati, Kuala Lumpur.

"SPRM turut merampas tujuh telefon bimbit serta beberapa dokumen berkaitan daripada kesemua suspek. Turut dirampas ialah wang tunai RM48,350 milik seorang daripada mereka," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan memberitahu siasatan dijalankan di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009

10 Disember 2018

**11. Najib ditahan SPRM**

BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut hadir bersama Isterinya ,Datin Seri Rosmah Mansor hari ini hadir Makamah Kuala Lumpur sebutan semula kesnya yang didakwa dua tuduhan meminta dan menerima rasuah RM1.5 juta berhubung projek pembekalan dan pemasangan tenaga solar di 369 sekolah luar bandar di Sarawak, dua tahun lalu. di sini hari ini.

PUTRAJAYA 10 Dis.- Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai berhubung kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurut sumber, beliau ditahan di ibu pejabat SPRM pada pukul 10.51 pagi ini.

Terdahulu, beliau hadir ke SPRM pada pukul 10.42 pagi untuk dirakam keterangan berhubung siasatan kes itu.

Beliau tiba di sini dengan menaiki kereta jenis Kia Sorento berwarna perak.

Sebelum ini, bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang turut dirakam keterangan oleh SPRM bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

SPRM sebelum ini dilaporkan telah memulakan siasatan berkaitan dakwaan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB itu.

SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, suruhanjaya itu juga telah meneliti dokumen asal laporan tersebut untuk dibandingkan dengan draf akhir yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.

Perkara itu susulan pendedahan Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad pada 25 November lalu yang dilaporkan mengesahkan laporan akhir pengauditan 1MDB telah dipinda atas arahan Najib.

Madinah dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada media memberitahu, laporan itu ada menyebut kehadiran individu diburu iaitu Low Taek Jho atau Jho Low dalam salah satu mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah 1MDB.

Dakwa Madinah, Najib menerusi Ketua Setiausaha Sulit beliau, Tan Sri Shukry Salleh mengarahkan perenggan itu digugurkan atas alasan ia sensitif dan bagi mengelak fakta diputarbelitkan pihak pembangkang.

10 Disember 2018

## 12. Najib ke SPRM lagi



BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini sekali lagi ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai untuk dirakam keterangan berhubung siasatan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

PUTRAJAYA 10 Dis.- Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini sekali lagi hadir ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai untuk dirakam keterangan berhubung siasatan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).



DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK

Ahli Parlimen Pekan itu tiba di sini pada pukul 10.42 pagi tadi dengan menaiki kereta jenis Kia Sorento berwarna perak.

Sebelum ini, bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang turut dirakam keterangan SPRM bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

SPRM sebelum ini dilaporkan telah memulakan siasatan berkaitan dakwaan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB itu.

SPRM dalam satu kenyataan memberitahu, suruhanjaya itu juga telah meneliti dokumen asal laporan tersebut untuk dibandingkan dengan draf akhir yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.

Perkara itu susulan pendedahan Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad pada 25 November lalu yang dilaporkan mengesahkan laporan akhir pengauditan 1MDB telah dipinda atas arahan Najib.

Madinah dalam satu kenyataan yang diedarkan kepada media memberitahu, laporan itu ada menyebut kehadiran individu diburu iaitu, Low Taek Jho atau Jho Low dalam salah satu mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah 1MDB.

Dakwa Madinah, Najib menerusi Ketua Setiausaha Sulit beliau, Tan Sri Shukry Salleh telah mengarahkan perenggan itu digugurkan atas alasan ia sensitif dan bagi mengelak fakta diputarbelitkan pihak pembangkang.

11 Disember 2018

**13. Sah! Arul Kanda ditahan SPRM****Arul Kanda Kandasamy hadir ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah hari ini**

PUTRAJAYA 11 Dis. - Bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini dipercayai berhubung kes pindaan laporan akhir pengauditan syarikat tersebut.

Menurut peguam mewakili Arul, Datuk N. Sivananthan, anak guamnya telah ditahan pada pukul 10.30 pagi ini.

Ujarnya lagi, Arul bakal dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur esok mengikut Seksyen 23 (1) Akta SPRM 2009 atas dakwaan meminda laporan audit itu.

"Selain anak guam saya, juga akan didakwa adalah bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkaitan kes sama.

"Saya difahamkan beliau (Arul) bakal berhadapan satu pertuduhan membabitkan kes ini," katanya ketika ditemui media di sini hari ini.



**PEGUAM kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda iaitu Da**

Terdahulu, Arul dilihat hadir ke SPRM pada pukul 9.30 pagi dengan memakai topi berwarna hitam dan mengenai baju kemeja lengan panjang berwarna biru.

Dalam masa sama, bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa turut berada di SPRM.

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad dan bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang turut dirakam keterangan oleh SPRM bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

Pada 25 November lalu, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr. Madinah Mohamad mendedahkan Najib mengarahkan pindaan dilakukan terhadap Laporan Akhir Pengauditan 1MDB menerusi pengguguran beberapa perenggan.

Antara pengguguran maklumat itu termasuklah membabitkan kehadiran ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Menurut Madinah, Arul dan Ambrin merupakan antara individu yang turut terlibat dalam pindaan itu, malah juga terbabit bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada bekas Perdana Menteri, Tan Sri Shukry Salleh dan Ali yang ketika itu adalah Ketua Setiausaha Negara.

Turut terbabit, wakil Jabatan Peguam Negara, wakil Kementerian Kewangan, bekas Setiausaha Sulit Kanan kepada KSN dan bekas Pengarah Audit.

**14. Najib, Arul didakwa esok atas tuduhan pinda laporan audit 1MDB**

**BEKAS Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy akan didakwa esok**

PUTRAJAYA 11 Dis.- Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda Kandasamy akan didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur esok.

SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya telah mendapat izin mendakwa daripada Pejabat Peguam Negara bagi menuduh kedua-dua individu terbabit.

Jelas kenyataan itu lagi, kedua-dua mereka bakal menghadapi pertuduhan bersama berhubung kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB.

"Namun begitu, bacaan pertuduhan tersebut akan dilakukan di Mahkamah Sesyen berasingan di Kompleks Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur esok pada pukul 8.00 pagi.

"SPRM telah menahan Najib semalam bagi melengkapkan proses akhir siasatan dan kemudian dilepaskan dengan jaminan SPRM. Manakala Arul Kanda pula ditahan pada jam 10.32 pagi hari ini," kata kenyataan itu di sini hari ini.

**15. Isa didakwa hari ini**

PUTRAJAYA 13 Dis. - Bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad akan didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur esok berhubung kes pembelian hotel oleh syarikat Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. (FIC).

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya telah mendapat izin daripada Pejabat Peguam Negara bagi menuduh Mohd. Isa yang juga merupakan bekas Ahli Lembaga Pengarah FIC.

**MOHD. ISA**

"Beliau akan dituduh pada pukul 9 pagi di Mahkamah Sesyen esok berhubung siasatan kes pembelian hotel oleh FIC.

"Mohd. Isa hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya pukul 10.48 pagi ini bagi menandatangani notis aku janji untuk hadir ke mahkamah," kata kenyataan itu di sini.

Menurut sumber, Mohd. Isa akan berhadapan pertuduhan mengikut Seksyen 16A Akta SPRM 2009 dan Sesyen 409 Kanun Keseksaan kerana pecah amanah.

Bekas calon Ahli Parlimen Port Dickson dalam pilihan raya kecil (PRK) pada baru-baru ini pernah ditahan SPRM Ogos tahun lalu berhubung pembelian hotel pada 2014 dan 2015 di London serta sebuah lagi di Sarawak.

Hotel bertaraf empat bintang, Grand Plaza Kensington di London dibeli pada 16 Disember 2014.

Siasatan awal mendapati hotel berkenaan dibeli lebih tinggi berbanding harga pasaran dan itu sama melibatkan pembelian sebuah hotel empat bintang di Sarawak.

17 Disember 2018

**16. Penolong pengurus Jabatan Pengarang akhbar The Star dipenjara 30 bulan, denda RM100,000**

KUALA LUMPUR 17 Dis. - Seorang penolong pengurus di Jabatan Pengarang akhbar The Star dihukum penjara 30 bulan serta denda RM100,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini sebentar tadi.

M. Youganesparan, 55, dijatuhkan hukuman tersebut selepas didapati bersalah menerima suapan wang tunai RM20,000 daripada seorang lelaki tahun lalu.

Hakim Madihah Harullah menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah pada kes pendakwaan.

Madihah turut mengarahkan tertuduh supaya menjalani hukuman penjara selama 18 bulan sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Mahkamah turut membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara itu dan menaikkan jaminan daripada RM30,000 kepada RM40,000.

Mengikut pertuduhan, Youganesparan didakwa menerima suapan berjumlah RM20,000 daripada Mohd. Emir Mavani Abdullah, 55, kononnya untuk diberikan kepada pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai dorongan untuk menyelesaikan kes beliau yang disiasat agensi tersebut.

Perbuatan tersebut didakwa dilakukan di Dome cafe, Lot G20 Vista Power, The Intermark Jalan Tun Razak di sini pada pukul 9.15 malam, 30 Mei tahun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

19 Disember 2018

**17. Najib disiasat berkaitan pembelian kapal selam Scorpene**

**NAJIB** Tun Razak hadir di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini

KUALA LUMPUR 19 Nov.- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memberi keterangan berkaitan pembelian dua kapal selam Scorpene pada 2002.

Menurut sumber, kertas siasatan berhubung pembelian kapal tersebut telah dibuka semula SPRM kerana disyaki wujud penyelewengan.

"Bekas Perdana Menteri itu hari ini disiasat mengenai pembelian dua kapal selam Scorpene yang dinamakan semula sebagai KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Razak.

"Beberapa individu lain juga mungkin akan dipanggil untuk membantu siasatan," katanya di sini hari ini.

Tambah sumber, Najib mungkin akan dipanggil lagi bagi siasatan beberapa kes termasuk projek pembekalan dan pembelian tenaga solar di sekolah-sekolah di Sarawak.-

19 Disember 2018

### 18.3 ditahan rasuah pegawai penguat kuasa MPK

JOHOR BAHRU 19 Nov. - Seramai tiga peniaga ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor semalam selepas merasuh pegawai penguat kuasa Majlis Perbandaran Kluang (MPK).

Menurut jurucakap SPPM, ketiga-tiga lelaki berusia antara 40 hingga 60 tahun itu ditahan kira-kira pukul 8 malam di SPPM Johor Cawangan Kluang.

"Hasil siasatan yang dijalankan mendapati kesemua suspek telah memberikan wang rasuah sebanyak RM1,500 kepada Pegawai Penguatkuasa MPK sebagai dorongan supaya tidak mengambil apa-apa tindakan.

"Mereka berbuat demikian bagi mengelakkan dikenakan tindakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 di bawah kesalahan Undang-Undang Kecil Perlesenan, Tred Perniagaan dan Industri (MPK) 2017.

"Jika sabit kesalahan mereka boleh dikenakan kompaun berjumlah RM1,000 bagi setiap kesalahan yang dilakukan," katanya dalam satu kenyataan di sini sebentar tadi.

Menurutnya, semua mereka kini ditahan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17(b) Akta SPPM 2009 yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai

suapan atau RM10,000 mana yang tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun.

Pengarah SPPM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut.

19 Disember 2018

**19. Pengurusan kanan Tabung Haji direman empat hari**

**SEORANG pengurusan kanan Tabung Haji bergelar Datuk yang disiasat berhubung penggunaan syarikat kontraktor dilantik Tabung Haji untuk kerja pengubahsuaian di kediamannya dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya.**

**PUTRAJAYA 19 Dis.-** Seorang pengurusan kanan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) bergelar Datuk direman empat hari bagi membantu siasatan berhubung penggunaan syarikat kontraktor penghias dalam dilantik lembaga itu untuk kerja pengubahsuaian kediamannya berjumlah RM400,000.

Perintah reman itu dikeluarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim bermula hari ini sehingga Sabtu ini.

Terdahulu, suspek berusia 48 tahun itu dibawa ke Mahkamah Majistret di sini hari ini pada pukul 9.45 pagi.

Dia ditahan selepas hadir memberikan keterangan di ibu pejabat SPRM pada pukul 8.35 malam semalam.

Suspek disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Menurut sumber, suspek telah menerima rasuah berbentuk pengubahsuaian rumah daripada kontraktor berkenaan berjumlah RM400,000 sebagai balasan memberikan projek penjenamaan semula pejabat cawangan Tabung Haji melibatkan kos RM15 juta.

22 Disember 2018

**20. Adi Azuan dibebaskan dengan jaminan RM10,000**

**KETUA Pegawai Operasi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Adi Azuan Abdul Ghani dibebaskan selepas direman sejak Rabu lalu di Mahkamah Majistret di Putrajaya hari ini**

PUTRAJAYA 22 Dis.- Ketua Pegawai Operasi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Adi Azuan Abdul Ghani dibebaskan hari ini selepas direman empat hari bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan Adi Azuan,48, dibebaskan dengan jaminan SPRM sebanyak RM10,000 selain pasportnya perlu diserahkan kepada suruhanjaya itu.

Beliau membayar jaminan yang ditetapkan oleh mahkamah.

Adi Azuan ditahan susulan siasatan SPRM berhubung penggunaan syarikat kontraktor penghias dalaman yang dilantik oleh TH untuk kerja-kerja pengubahsuaian di kediamannya.

Terdahulu, Adi Azuan tiba di Mahkamah Majistret di sini dengan memakai baju kemeja berwarna biru kira-kira pukul 10 pagi sebelum dilihat meninggalkan perkarangan mahkamah 40 minit kemudian.

Sebelum ini media melaporkan, Adi Azuan ditahan reman selama empat hari bermula Rabu lalu hingga hari ini bagi membantu siasatan berhubung kes berkenaan.

Perintah reman itu bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan terhadap Adi Azuan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan

denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Menurut sumber, beliau ditahan selepas dipercayai telah menerima rasuah berbentuk pengubahsuaian rumah berjumlah RM400,000 sebagai balasan kerana memberi projek kerja-kerja penjenamaan semula pejabat cawangan TH kepada sebuah syarikat yang melibatkan kos sebanyak RM15 juta.